



## SIARAN MEDIA

### KOLEJ PERIKANAN BAKAL LAHIR 2,000 GRADUAN MAHIR TEMPATAN

**SITIAWAN, 4 Julai 2017** – Kolej Perikanan Malaysia Lumut (KPML) yang dibangunkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kos RM69.8 juta bakal menghasilkan 2,000 graduan mahir tempatan menjelang 2020 untuk menyokong pemodenan industri perikanan tangkapan serta akuakultur negara.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, penubuhan kolej ini adalah sebagai aspirasi memoden dan mentransformasi industri perikanan melalui **model latihan dan pembangunan modal insan mahir**. Ianya juga dijangka dapat melahirkan tenaga kerja dalam kalangan belia seterusnya **mengatasi isu kekurangan tenaga kerja tempatan yang mahir** serta kebergantungan terhadap pekerja asing.

Menurut Ahmad Shabery, “Kolej ini menyediakan peluang latihan kemahiran dalam bidang akuakultur, pembenihan (hatceri) ikan dan udang, perikanan tangkapan, kejuruteraan laut dan vesel penangkapan ikan serta pemprosesan produk perikanan kepada warga tempatan.

“Menjelang tahun 2020, KPML dijangka akan melahirkan seramai **2,000 graduan dengan kemahiran teknikal** dalam sektor perikanan yang dapat mengisi kekosongan dalam pelbagai pasaran kerja tempatan seperti industri perikanan laut dalam, pembaikan kapal, akuakultur, pemprosesan produk makanan dan sebagainya.”

Katanya lagi, Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hub pembina dan membaiki kapal rantau ini, selaras dengan matlamat Program Transformasi Ekonomi. Kerajaan mengutamakan **konsep private driven dalam pembangunan vesel tangkapan ikan** yang turut melatih dan melahirkan antaranya kapten bot dan kru mahir tempatan di dalam perikanan laut dalam.

Dengan **kelengkapan moden dan teknologi terkini seperti simulator** serta persekitaran yang kondusif, kolej ini akan dapat menyuntik semangat, kreativiti dan inovasi para pelatih dan juga seluruh tenaga kerja KPML untuk melahirkan graduan-graduan yang kompeten serta usahawan perikanan yang berkualiti dan berdaya saing.

Ahmad Shabery berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian KPML oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizuddin di sini hari ini.

Turut hadir semasa majlis adalah Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, Raja - Raja Bergelar, Menteri Besar Perak Datuk Seri Zambry Abdul Kadir, serta Ketua Pengarah Perikanan Datuk Ismail Abu Hassan.

“Di samping itu, penubuhan KPML di Perak juga dapat membantu mengukuhkan lagi kedudukan negeri ini sebagai **negeri dengan pendaratan ikan laut tertinggi** di Malaysia, iaitu sebanyak 367,346 tan metrik ikan bernilai RM2.19 bilion pada tahun 2016, atau 23% daripada keseluruhan pendaratan ikan negara,” tambah Ahmad Shabery.

Sementara itu, Pengarah KPML Sukri Deris berkata kolej tersebut telah mula beroperasi sejak Julai 2016, dan sehingga **kini sedang melatih 110 orang pelajar** untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan Tahap 3, serta Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) Tahap 4 dalam dua bidang iaitu akuakultur marin dan perikanan tangkapan.

Menurut beliau, pihaknya amat menggalakkan belia-belia yang berminat untuk memohon kursus-kursus yang ditawarkan di kolej tersebut, yang boleh menampung 500 orang pelatih dalam satu-satu masa.

Buat masa ini, terdapat tiga kategori kursus yang ditawarkan iaitu Kursus Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Latihan *Up Skilling* kepada kumpulan sasar Jabatan Perikanan (DOF) seperti penternak ikan dan nelayan.

Sukri berkata, kos pengajian di kolej tersebut adalah percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Pelatih hanya perlu menanggung yuran pendaftaran sebanyak RM330 untuk bayaran premium insurans, setem hasil surat perjanjian, baju korporat, deposit asrama dan pembukaan akaun Agrobank.

Pelatih turut diberikan elaun sara hidup sebanyak RM200/bulan untuk Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan RM250/bulan untuk Diploma Kemahiran Malaysia (DKM). Manakala elaun bagi Latihan Industri adalah RM300/bulan, tambah Sukri lagi.

#####

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Mohd Asril Idris**

Ketua Komunikasi Korporat  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
[asril@moa.gov.my](mailto:asril@moa.gov.my) , 013-3448185

**Yazeereen A. Bakar**

Ketua Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Perikanan Malaysia  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
[yazeereen@dof.gov.my](mailto:yazeereen@dof.gov.my), 012-3569344